

## Mesej Empat

### **Mengasih Penampilan Tuan dengan Mengkalkan Kasih Kita terhadap-Nya Menurut Makna Intrinsik Kidung Agung**

Bacaan Bible: Kid. 1:2-4; 2:8-9; 3:9-10; 4:12-16; 6:10, 13; 7:11; 8:13-14

- I. **Subjek bagi Kidung Agung, sebuah puisi, ialah sejarah cinta dalam perkahwinan yang unggul, mewahikan pengalaman percayawan individu yang semakin maju dalam persekutuan cinta dengan Kristus demi persiapan pengantin-Nya dalam enam tahap yang utama—Wahi 19:7-9; Mat. 25:6-13; Wahi 3:18-22; Za. 4:1-6, 11-14; 1 Yoh. 4:19; Mzm. 110:3; 119:140:**
- A. Dalam tahap pertama Kidung Agung, pencinta Kristus tertarik untuk mengejar Kristus demi kepuasan (1:2—2:7); Tuan menghendaki pencari-Nya mempunyai hubungan yang peribadi, mesra, persendirian, dan rohani dengan-Nya (1:2, 4); semua prinsip rohani terkandung dalam tahap pertama kehidupan pencari yang jayeng; pelajaran yang kemudian bukanlah pelajaran baru, tetapi pelajaran lama yang diulangi dengan cara yang lebih mendalam.
  - B. Dalam tahap kedua Kidung Agung, pencinta Kristus dipanggil untuk diselamatkan daripada diri menerusi penyatuannya dengan salib Kristus—2:8—3:5:
    1. Kidung Agung 2:8-9 membicarakan kecergasan kebangkitan; dalam ayat-ayat ini, Kristus disamakan dengan gazel atau anak rusa jantan yang “melompat-lompat di atas gunung, / Meloncat-loncat di atas bukit”; gunung dan bukit merujuk kepada kesusahan dan halangan, tetapi tidak ada apa-apa yang terlalu tinggi atau terlalu besar yang dapat menghalang Kristus yang bangkit; kita perlu mencari dan mengenali hadirat Kristus yang melompat di gunung dan meloncat di bukit.
    2. Pencinta Kristus jatuh ke dalam keadaan kaji diri, yang menjadi tembok pemisah yang menjauhkan dia daripada hadirat Kristus (ay. 9b); dengan itu, Kristus menggalakkan dia untuk bangkit dan keluar dari keadaannya yang rendah untuk menyertai-Nya (ay. 10-13).
    3. Melalui kudrat kebangkitan, bukan melalui hayat alamiah kita, kita yang merupakan pencinta Kristus berupaya dikonform kepada kematian-Nya dengan bersatu dengan salib-Nya (ay. 14-15); dalam roh pembauran kita berbahagian dalam dan mengalami kebangkitan Kristus, yang membolehkan kita bersatu dengan salib untuk diselamatkan daripada diri dan ditransform menjadi manusia baru dalam ciptaan baru Tuhan, untuk membina Tubuh Kristus yang organik, demi penggenapan ekonomi Tuhan (Roma 8:2, 4, 29; Gal. 6:15; 2 Kor. 5:17).
  - C. Dalam tahap ketiga Kidung Agung, pencinta Kristus dipanggil untuk hidup dalam kenaikan ke syurga sebagai ciptaan baru dalam kebangkitan—3:6—5:1:
    1. Hidup dalam kenaikan ke syurga bererti hidup secara berterusan dalam roh kita; apabila kita hidup dalam roh kita, kita digabungkan kepada Kristus yang naik ke syurga yang berada dalam syurga-syurga—Ef. 2:22; Kej. 28:12-17; Yoh. 1:51; Wahi 4:1-2; Ibr. 4:12, 16 dan nota kaki 1.
    2. Melalui kerja transformasi Roh itu dalam kita, kita menjadi wadah Kristus yang bergerak, alat pengangkutan Kristus, “kereta” Kristus, demi pergerakan Kristus dalam Tubuh Kristus dan untuk Tubuh Kristus—Kid. 3:9-10; bd. 2 Kor. 2:12-17.
    3. Kita dibina semula dengan Triniti Divin agar struktur luaran kita ialah keinsanan Yesus yang bangkit dan naik ke syurga, dan perhiasan dalaman kita ialah kasih kita terhadap Tuan—Kid. 3:9-10.
    4. Menerusi kehidupan pencinta Kristus dalam kenaikan Kristus ke syurga sebagai ciptaan baru dalam kebangkitan, dia menjadi matang dalam kekayaan hayat Kristus, supaya dia dapat menjadi taman Kristus demi kenikmatan

- peribadi-Nya (4:12-15); dia bersedia untuk menyebarkan keharuman Kristus dalam apa jua keadaan atau sekitaran (ay. 16).
- D. Dalam tahap keempat Kidung Agung, pencinta Kristus dipanggil dengan lebih tegas lagi untuk hidup di sebelah dalam tirai menerusi salib selepas kebangkitan—5:2—6:13:
1. Dengan hidup di sebelah dalam tirai, pencinta Kristus ditransform menjadi jasad di langit; dia ini menjenguk umpama fajar, dia indah bagaikan bulan, dan dia cerah bagaikan suria—ay. 10.
  2. Dalam kematangan hayat Kristus, pencinta Kristus menjadi Sulamit (bentuk feminin bagi *Salomo*), menandakan bahawa dia telah menjadi sama seperti Dia dalam hayat, sifat, ekspresi, dan fungsi (tetapi bukan dalam Ketuhanan) sebagai reproduksi dan duplikasi Kristus untuk berpadanan dengan-Nya demi perkahwinan mereka—ay. 13; 2 Kor. 3:18.
- E. Dalam tahap kelima Kidung Agung, pencinta Kristus berbahagian dalam kerja Tuan—7:1-13:
1. Kidung Agung 7:11 menunjukkan bahawa pencinta Kristus hendak bersama dengan Kekasihnya melaksanakan kerja untuk seluruh dunia (ladang) dengan merantau dari satu tempat ke tempat yang lain (bermalam di kampung-kampung); ini menunjukkan bahawa dia tidak berpuak-puak ketika melaksanakan kerja Tuan tetapi dia mengekalkan kerja itu terbuka, supaya orang lain dapat datang merantau di sana dan dia dapat pergi merantau di tempat lain; inilah maksudnya memelihara satu kerja dalam satu Tubuh.
  2. Berbahagian dalam kerja Tuan bererti bekerja bersama dengan Tuan (2 Kor. 6:1a); untuk bekerja bersama dengan Tuan, kita perlu matang dalam hayat, kita perlu satu dengan Tuan, dan kerja kita haruslah untuk Tubuh-Nya (Kol. 1:28-29; 1 Kor. 12:12-27).
  3. Sulamit bekerja sebagai pasangan Salomo, menjaga semua kebun anggur (Kid. 8:11), yakni gereja-gereja dan percayawan di seluruh bumi; kita harus mempunyai kerja yang untuk seluruh dunia; inilah apa yang dilakukan Paulus dengan mendirikan gereja-gereja lokal dan kemudian bekerja untuk membawa mereka ke dalam kesedaran penuh terhadap Tubuh Kristus (Roma 16:1-24).
- F. Dalam tahap keenam Kidung Agung, pencinta Kristus berharap untuk diraptur (8:1-14); dia naik dari gurun tandus (lingkungan bumiah) dengan “bersandar pada kekasihnya” (ay. 5):
1. *Bersandar pada kekasihnya* mengimplikasikan bahawa, seperti Yakub, sendi pangkal pahanya telah disentuh, dan kekuatan alamiahnya telah ditanggu-langi Tuan—Kej. 32:24-25.
  2. *Bersandar pada kekasihnya* juga mengimplikasikan bahawa dia mendapat dirinya tertekan melampaui dayanya, dan ini seolah-olahnya akan berterusan sehingga perjalanan di gurun tandus berakhir—2 Kor. 1:8-9; 12:9-10; 13:3-4.
  3. Dia memohon kepada Kekasihnya untuk meletakkannya sebagai meterai di hati cinta-Nya dan sebagai meterai pada lengan kekuatan-Nya; pada saat ini dia menyedari dirinya tidak dapat melakukan apa-apa dan tidak terdaya, dan dia menyedari bahawa segala-galanya bergantung pada kasih Tuhan dan kudrat pemeliharaan-Nya—Kid. 8:6-7.
  4. Pencinta Kristus memohon kepada Dia yang tinggal dalam percayawan yang merupakan taman-Nya agar dapat mendengar suara-Nya; ini menunjukkan bahawa semasa kita melakukan kerja untuk Tuan Kekasih kita, kita perlu mengekalkan persekutuan kita dengan-Nya, sentiasa mendengar-Nya—ay. 13.
- II. **Sebagai kata penutup buku puitis ini, pencinta Kristus berdoa agar Kekasihnya akan datang segera dalam kudrat kebangkitan-Nya (gazel dan anak rusa jantan) untuk menubuhkan kingdom-Nya yang manis dan indah (gunung-gunung rempah), yang akan memenuhi seluruh bumi—ay. 14; Wahi 11:15; Dan. 2:35:**

- A. Doa sedemikian menggambarkan penyatuan dan persekutuan antara Kristus sebagai Pengantin Lelaki dengan pencinta-Nya sebagai pengantin perempuan dalam kasih pengantin mereka; ini seperti doa Yohanes (seorang pencinta Kristus) yang menjadi kata penutup Kitab Kudus, yang mewahikan ekonomi abadi Tuhan berkenaan Kristus dan gereja dalam cinta divin-Nya—Wahi 22:20.
- B. “Apabila Dia datang, iktikad akan menjadi kenyataan, dan pujian akan menggantikan doa. Kasih akan berkonsumasi dalam kesempurnaan yang tanpa bayangan gelap, dan kita akan melayan-Nya di hadapan-Nya tanpa dosa. Alangkah indahnya hari itu! Tuan Yesus, datangkanlah segera!”—Watchman Nee, *The Collected Works of Watchman Nee*, jil. 23, “The Song of Songs”, m.s. 126.